

SEPATAH KATA KETUA PESURUHJAYA PENGAKAP NEGARA

Bismilahirrahmanirrahim...

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera...

Salam Pengakap kepada semua.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana mengizinkan Buku Panduan Pengakap Kelana ini disiapkan. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang menulis sepatah dua kata dalam buku ini.

Buku Panduan Pengakap Kelana ini menggariskan skim latihan dan pengurusan yang terkini untuk mengelolakan krew-krew Kelana baik di peringkat Daerah, Rancangan FELDA dan juga di Institusi Pengajian Tinggi yakni Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia. Dengan terbitnya buku ini, adalah diharapkan keperluan yang mendesak berkenaan panduan mengelolakan Pengakap Kelana dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya demi pembangunan warga belia yang lebih mapan.

Saya percaya buku ini boleh dijadikan sumber rujukan utama untuk krew-krew Kelana kerana buku ini bukan sahaja menerangkan berkenaan pengurusan dan pentadbiran krew Kelana malah memuatkan kehendak lencana-lencana Kelana yang dikemaskinikan agar relevan dengan keadaan semasa tanpa mengabaikan tujuan utama Pengakap Kelana. Antara input baru yang menarik dalam buku ini adalah Anugerah Baden Powell yang menggantikan Rambu Pengakap Kelana. Sewajarnya setiap ahli Kelana memiliki senaskah dan meneliti kandungannya agar membantu memahami dengan lebih dalam lagi berkenaan Pengakap Kelana.

Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada Jawatankuasa Persediaan Buku Pengakap Kelana kerana telah bertungkus-lumus menyiapkan sumber rujukan yang begitu bermakna buat warga Pengakap Kelana.

Ucapan terima kasih juga kepada individu-individu khususnya Encik Yeoh Seng Choon, Pesuruhjaya Latihan Negara dan Tuan Haji Ahmad Tajuddin bin Md. Salleh, Pesuruhjaya Ibu Pejabat (Unit Kelana) yang memberikan bantuan dan sokongan secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.

Semoga Krew-krew Kelana akan terus maju jaya dan sentiasa menabur khidmat bakti selaras dengan Misi Berpengakapan, Persetiaan dan Undang-undang Pengakap.

Salam Pengakap,

Yang Ikhlas,

KOLONEL PROFESOR DATO' DR. HAJI KAMARUDIN BIN HAJI KACHAR
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara

BUKU PANDUAN PENGAKAP KELANA

PENGENALAN

KREW PENGAKAP KELANA adalah bahagian yang keempat dalam siri latihan berpengakap, iaitu pertama Pengakap Kanak-Kanak, kedua Pengakap Muda, ketiga Pengakap Remaja dan yang keempat Pengakap Kelana. Bahagian, ini ialah bagi dewasa yang berumur tujuh belas setengah tahun hingga dua puluh lima tahun.

Tujuan bahagian ini adalah bagi membolehkan Pengakap meneruskan latihan, sesuai dengan pertumbuhan jasmani dan rohaninya. Peringkat ini adalah pentingnya bagi melengkapkan Pengakap untuk menghadapi hari mukanya agar ia dapat memainkan peranannya yang cergas dan positif dalam masyarakat. Pergerakan dalam Bahagian Pengakap Kelana adalah bahagian dewasa di mana ia adalah penemuan diri di dalam penyesuaian dengan tujuan dan prinsip pergerakan.

Pengakap Kelana yang telah diiktirafkan perlu mengambil beberapa peringkat latihan secara individu atau berkumpulan samada formal atau tidak formal, Anugerah B-P diberikan kepada Pengakap Kelana yang mengambil bahagian dalam sesuatu rancangan dengan latihan dalam institusi/kawasan yang meliputi 'Aim of the Association'. Pengakap Kelana yang mempunyai keinginan untuk memegang jawatan sebagai Pemimpin ataupun wakil di peringkat daerah atau negeri, mereka sepatutnya berusaha untuk melengkapkan Kursus Kepimpinan Manikayu bagi Unit Pengakap Kelana.

(YEOH SENG CHOON)
Pesuruhjaya Latihan Negara

**JAWATANKUASA
PERSEDIAAN BUKU PANDUAN PENGAKAP KELANA**

Kol. Prof. Dato' Dr. Hj. Kamarudin bin Kachar Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara	Penasihat
Dato' Haji Kaharudin bin Momin Bendahari Kehormat Majlis Pengakap Malaysia	Penasihat
Encik Yeoh Seng Choon Pesuruhjaya Latihan Negara	Pengerusi Bersama
Tuan Haji Ahmad Tajuddin bin Md. Salleh Pesuruhjaya Ibu Pejabat (Pengakap Kelana)	Pengerusi Bersama
Tuan Haji Othman bin Hj. Md. Drus Penolong Ketua Pesuruhjaya Negara (Program)	Ahli Jawatankuasa
Encik Mohd. Zaki bin Nurud-din Ketua Setiausaha Kerja	Ahli Jawatankuasa
Encik Sharil bin Kuru Setiausaha Kerja Latihan	Ahli Jawatankuasa
Encik Ekbert Yong Yen Loong Pesuruhjaya Ibu Pejabat (Latihan)	Ahli Jawatankuasa
Encik Mohd Zalridzal bin Zakaria Penolong Pesuruhjaya KLKM-UPM (Latihan)	Ahli Jawatankuasa

**URUSETIA
PERSEDIAAN BUKU PANDUAN PENGAKAP KELANA**

Saudara Daniel Ding
Ibu Pejabat, Persekutuan Pengakap Malaysia

Saudara Jonathan Cheah Gin Guan
Ketua Krew Pengakap Kelana `H' Petaling

Saudari Fiona Yew Yin Ling
Bendahari Krew Pengakap Kelana `H' Petaling

Colin Khoo Hsu Wei
Ahli Kelana, PPM

ISI KANDUNGAN

Sepatah Kata Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara	1
Pengenala Pesuruhjaya Latihan Negara	2
Jawatankuasa Persediaan Buku Panuan Kelana	3
Apakah Pengakap Kelana	5
Segala terletak di tangan anda	5
Sejarah Ringkas Pengakap Kelana	6
Prinsip Pengakap Kelana	8
Matlamat Pengakap Kelana	11
Tujuan Pengakap Kelana	12
Penubuhan Kumpulan Pengakap Kelana	14
Pendaftaran Kumpulan Pengakap Kelana	15
Penasihat Pengakap Kelana	17
Majlis Pengurusan Krew Pengakap Kelana	18
Proses Mengenal Diri (Virgil)	22
Tanggungjawab Majlis Pengurusan Kumpulan	26
Latihan Pengakap Kelana	31
Istiadat-Istiadat Dalam Pengakap Kelana	34
Program	37
Merancang dan Melaksanakan Program	38
Undang-Undang Kecil	40
Skim Lencana	46
Lencana Keahlian	46
Lencana Kemahiran (Lencana Wajib)	48
Lencana Perkhidmatan (Lencana Wajib)	52
Lencana Kepimpinan	56
Lencana Pengembaraan	58
Lencana Kemahiran Khas, Pilihan a atau b	61
Lencana Kemahiran Khas, Pilihan c atau d	65
Cara mencapai Lencana-Lencana Pengakap Kelana Ke Anugerah B-P	67

APAKAH PENGAKAP KELANA ?

Pengakap Kelana ialah kumpulan Pengakap bahagian dewasa di bawah Persekutuan Pengakap Malaysia, terbuka kepada belia yang berusia di antara umur 17 ½ tahun hingga 25 tahun. Pengakap Kelana memberikan keseronokan, mewujudkan persahabatan dan menawarkan aktiviti yang menarik kepada semua belia yang menyertainya. Aktiviti-aktiviti Pengakap Kelana dijalankan bersama ahli-ahli yang mempunyai persefahaman dan aktif di dalam satu kumpulan yang dinamakan sebagai Krew Pengakap Kelana.

Program Latihan Pengakap Kelana menawarkan aktiviti dan keseronokan di serata dunia daripada segi cabaran fizikal dan mental. Ia juga memberi peluang untuk berkhidmat kepada masyarakat luar serta menyediakan peluang untuk melancong di dalam Malaysia dan juga ke luar negara. Ahli-ahli Krew Pengakap Kelana akan diberi tugas untuk menguruskan Krew sendiri dan memastikan program Pengakap Latihan Pengakap Kelana dilaksanakan.

Menyertai Krew Pengakap Kelana adalah salah satu langkah bijak dan berfaedah dalam hidup anda. Ia membuka pintu kepada persahabatan baru, memberikan keseronokan, cabaran dan pengalaman berharga yang sukar untuk dilupakan.

Segalanya terletak di tangan anda.

Program Latihan Pengakap Kelana adalah berasaskan kepada beberapa aktiviti utama seperti berikut:

- » Perkhidmatan
- » Sosial
- » Cabaran luar
- » Aktiviti mental
- » Semangat

Krew Pengakap Kelana boleh mengadakan program sendiri yang boleh dipelbagaikan mengikut minat dan idea ahli-ahli kumpulan.

Pengurusan dalaman Krew Pengakap Kelana adalah terletak di tangan ahli-ahli krew. Pelantikan pihak Krew atasan adalah di bawah pemilihan ahli Pengakap Kelana yang menguruskan hubungan antara Krew Pengakap Kelana dengan bantuan dan bimbingan daripada Penasihat Pengakap Kelana.

SEJARAH RINGKAS PENGAKAP KELANA

Pengakap Kelana telah diwujudkan kerana terdapat permintaan untuk penubuhannya oleh para belia.

Sebenarnya, Pengakap bermula sebagai persediaan pengalaman dalam latihan kepimpinan dan sebagai inisiatif oleh Lord Baden-Powell (BP) untuk Pengakap darat di India dan Afrika semasa zaman perang.

Selepas melalui Perang Boer di Afrika Selatan, BP telah menulis semula buku panduan latihan melalui pengalamannya untuk kanak-kanak lelaki dan bercadang untuk menggunakannya dalam organisasi yang wujud seperti *Boys Brigade*. Untuk menguji penyampaian idea di dalam buku tersebut, BP telah mengadakan satu perkhemahan percubaan bersama 20 orang kanak-kanak lelaki di Pulau Brownsea, England pada 31 Julai hingga 9 Ogos 1907. Perkhemahan tersebut telah membuahkan kejayaan dan dipertimbangkan untuk menjadi permulaan kepada kegiatan berpengakap.

Buku panduan tersebut, yang kini bertajuk *Scouting for Boys* telah diterbitkan pertama kalinya pada bulan Januari 1908. Buku tersebut mendapat sambutan daripada sebahagian kanak-kanak lelaki serta sebilangan kecil kanak-kanak perempuan dan dengan segera meletakkan idea BP sebagai sesuatu yang amat praktikal dan sangat wajar. Mereka membentuk patrol mereka sendiri dan kemudian menyedari keperluan bantuan daripada golongan dewasa, lalu melantik ketua sendiri daripada kalangan dewasa.

Pergerakan Pengakap berkembang dengan cepat dari Britain ke negara-negara lain. Pengakap telah diwujudkan di Malaysia pada tahun 1910, dua tahun selepas ia diasaskan di Britain. Pasukan Pengakap pertama, ditubuhkan di Singapura pada tahun 1910 oleh seorang rakyat Inggeris yang bernama Frank Cooper Sands. Bermula dari situ, pergerakan Pengakap berkembang ke Semenanjung Tanah Melayu.

Pada hari ini, pergerakan Pengakap telah kekal dan melebihi 200 buah negara di dunia dengan keahlian melebihi 28 juta orang. Tahun 1990 melihatkan kemunculan Pengakap di kebanyakan negara Eropah Timur selepas terdapat jurang selama 40 tahun, sekali lagi Pengakap memaparkan Pengakap sebagai gerakan antarabangsa seluruh dunia.

Pengakap lama yang ingin terlibat semula dalam kegiatan-kegiatan Pengakap telah mencadangkan supaya ditubuhkan satu kumpulan bagi ahli dewasa yang bersesuaian dengan minat dan kebolehan mereka. Pada tahun 1917, Pengakap Kelana dengan rasminya dilancarkan di United Kingdom dengan nama Pengakap Dewasa. Walau bagaimanapun, pada tahun 1918, nama ini telah ditukar menjadi Pengakap Kelana.

Pada tahun 1922, BP telah menulis dan menerbitkan sebuah buku panduan untuk bahagian Pengakap Kelana yang diberi nama, *Rovering to Success*. Di dalamnya, beliau membentangkan tujuan dan matlamat Pengakap Kelana dan menggambarkan jalan ke arah kehidupan yang dilihat beliau sebagai panduan untuk pemuda-pemuda mengikuti keadaan semasa.

Pada tahun 1931, Perkhemahan Kelana Sedunia (*World Rover Scout Moot*) yang pertama telah diadakan di Kandersteg, Switzerland. Perkhemahan ini telah dihadiri oleh 3000 ahli Pengakap Kelana dan keputusan dalam penerimaan Pengakap Kelana sebagai pergerakan seluruh dunia telah dicapai semasa perkhemahan ini.

Tahun 1975 memperlihatkan pembangunan yang pesat dalam Pengakap Kelana apabila keahlian dibuka kepada wanita muda di Malaysia. Ini telah diikuti dengan keputusan yang sama bagi bahagian Pengakap Remaja dan disambung kepada bahagian Pengakap Muda dan bahagian Pengakap Kanak-kanak.

PRINSIP PENGAKAP KELANA

Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) adalah sebuah badan sukarela. Ia merupakan *NGO (Non Governmental Organization)* dan *NPO (Non Profit Organization)*. PPM terbuka kepada semua tanpa mengambil kira perbezaan agama, bangsa atau kepercayaan, dalam erti kata bersesuaian dengan prinsip dan pegangan yang diutarakan oleh pengasasnya, Lord Baden-Powell.

Pengakap Kelana bukan sahaja satu program yang meluas dan berfaedah, tetapi ia adalah jalan kehidupan yang lebih sihat.

Matlamat Persekutuan Pengakap Malaysia adalah untuk membina semangat kerakyatan dan menggalakkan pembangunan fizikal, mental, sosial dan semangat golongan muda supaya mereka dapat memperoleh kedudukan yang baik sebagai anggota masyarakat tempatan, kebangsaan dan juga antarabangsa.

Pengakap Kelana cuba untuk membantu mengenali peranan yang boleh dimainkan dalam masyarakat. Ia juga menggalakkan ahlinya untuk menjadi jujur pada diri sendiri dan turut bertanggungjawab kepada dunia sekeliling.

Dasar Pengakap adalah sebagaimana yang telah diperkenalkan oleh pengasasnya, iaitu PENGAKAP harus berkhidmat demi Tuhan, bertindak dengan mengambil kira apa yang perlu dan menggunakan kebolehan untuk kebaikan diri sendiri dan keluarga, serta masyarakat di mana mereka tinggal. Terdapat tiga prinsip yang dijelaskan daripada kod yang dipimpin di mana sifat-sifat ahli dalam gerakan adalah berpandukan kepada: *kewajipan kepada Tuhan; kewajipan kepada semua; dan kewajipan kepada diri sendiri.*

Gerakan dalam Bahagian Pengakap Kelana adalah bahagian dewasa di mana ia adalah penemuan diri di dalam penyesuaian dengan tujuan serta prinsip gerakan.

Dasar ini dibentuk dalam Persetiaan Pengakap dan Undang-undang Pengakap. Untuk menjadi seorang Pengakap Kelana, Persetiaan Pengakap hendaklah dilaksanakan. Apabila membuat sesuatu, Pengakap Kelana hendaklah menyumbangkan kepada dasar ini.

Walau bagaimanapun, Pengakap Kelana bukanlah bersifat keagamaan. Ia memberi galakan untuk membuat sesuatu kerja dengan idea sendiri dan konsep ketuhanan masing-masing, di dalam erti kata yang luas tentang Persetiaan dan Undang-undang Pengakap supaya idea itu dapat dijadikan suatu tindakan.

Selain daripada itu, Program Latihan Pengakap Kelana wujud untuk mengukuhkan dasar pergerakan Persekutuan Pengakap Malaysia agar ia selari dengan dasar dan aspirasi Negara Malaysia. Rukunegara telah dijadikan sebagai panduan dan pedoman yang dipegang selari bersama-sama dasar, tujuan dan prinsip berpengakap.

Rukunegara

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

Kepercayaan kepada Tuhan
Kesetiaan kepada Raja dan Negara
Keluhuran Perlembagaan
Kedaulatan Undang-undang
Kesopanan dan Kesusilaan

Persetiaan Pengakap

Bahawa dengan sesungguhnya, saya berjanji dan bersetia yang saya dengan seberapa daya upaya saya akan:

Taat kepada Tuhan, Raja dan Negara
Menolong orang pada setiap masa
Menurut Undang-undang Pengakap

Undang-undang Pengakap

- 1) Pengakap adalah seorang yang sentiasa dipercayai maruah dan kehormatan dirinya.
- 2) Pengakap adalah seorang yang taat kepada Yang di-Pertuan Agong serta Raja-Raja dan kepada pemimpin-pemimpin Pengakap, ibu bapanya, majikannya dan orang-orang dibawahnya.
- 3) Pengakap wajib menjadikan dirinya berguna dan menolong orang pada setiap masa.
- 4) Pengakap adalah sahabat kepada sekalian orang dan saudara kepada Pengakap lain walau apa negeri, pangkat dan agamanya sekalipun.
- 5) Pengakap adalah seorang yang baik dan sempurna budi pekertinya dan sentiasa berbudi.
- 6) Pengakap adalah baik dan kasih kepada segala binatang.

- 7) Pengakap adalah seorang yang sentiasa menurut perintah dan suruhan ibu bapanya, Ketua Patrolnya atau Pemimpin-pemimpin Pengakapnya tanpa apa-apa soalan.
- 8) Pengakap adalah seorang yang sentiasa sabar dan manis air mukanya walau dalam masa kesusahan.
- 9) Pengakap adalah jimat dan cermat.
- 10) Pengakap adalah bersih dan suci fikirannya, perkataannya dan perbuatannya.

MATLAMAT PENGAKAP KELANA

Tujuan dan prinsip pergerakan Pengakap dinyatakan dalam bentuk yang lebih kukuh dalam objektif bahagian Pengakap Kelana. Matlamat ini menjelaskan maksud di sebalik program Pengakap Kelana dan memperoleh penjelasan dalam aktiviti setiap Krew Pengakap Kelana.

Matlamat Pengakap Kelana adalah untuk:

- » Memperkenalkan kerakyatan yang aktif.
- » Memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan negara.
- » Melengkapi ahli-ahli dengan cabaran dan peluang untuk meningkatkan kebolehan diri sendiri.
- » Membolehkan ahli-ahli melengkapi diri mereka dengan kehidupan yang lebih memuaskan dan berfaedah.
- » Mengambil bahagian dengan aktif dalam peningkatan pergerakan Pengakap.

Perkhidmatan

Matlamat ini jelas menunjukkan bahawa khidmat kepada masyarakat mempunyai peranan penting dalam pergerakan Pengakap Kelana. Tema perkhidmatan Pengakap Kelana adalah keperluan untuk mematuhi prinsip Pengakap dan tuntutan ke atas janji Pengakap Kelana iaitu *Menolong orang pada setiap masa*.

Kita mendapat banyak manfaat daripada masyarakat sekeliling. Perkhidmatan Pengakap Kelana kepada masyarakat dan pergerakan Pengakap adalah jalan terbaik untuk memberikan sedikit pulangan balik kepada masyarakat. Cogan kata Pengakap Kelana ialah “BERKHIDMAT” dan oleh yang demikian, Pengakap Kelana harus sentiasa bersedia untuk memberikan perkhidmatan kepada semua.

Peningkatan Semangat

Polisi pergerakan Pengakap, yang merangkumi ahli-ahli daripada pelbagai agama adalah: setiap ahli harus meningkatkan perhubungan mereka dengan nilai semangat kehidupan, daripada kesetiaan untuk semangat dasarnya melalui ketaatan kepada agama yang menunjukkan kepada mereka melalui penerimaan hasil kerja mereka sendiri.

Pendekatan pelajaran pergerakan Pengakap termasuk membantu golongan muda untuk mengecapi dunia harta benda dan nilai semangat dalam kehidupan.

TUJUAN PENGAKAP KELANA

Sepertimana dengan bahagian-bahagian lain dalam Persekutuan Pengakap Malaysia, bahagian Pengakap Kelana juga mempunyai tujuan-tujuannya tersendiri di mana ia dilakukan mengikut pandangan seorang dewasa.

Tujuan-tujuan adalah seperti berikut:

1) Membentuk warganegara yang taat kepada Negara.

Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum dan agama yang diketuai oleh seorang Yang Dipertuan Agong. Yang Dipertuan Agong merupakan simbol kedaulatan undang-undang negara. Pengakap Kelana adalah diingatkan supaya mempertahankan undang-undang dan dasar-dasar negara untuk memastikan keamanan dan kestabilan negara.

2) Meninggikan Persaudaraan antara Pengakap-Pengakap Sedunia.

Pengakap Kelana adalah ahli Pergerakan Pengakap Sedunia yang telah ditubuhkan untuk memastikan ahli-ahlinya menjadi warganegara dunia yang berguna dan berkebolehan. Semua Pengakap Kelana adalah sahabat dan saudara antara satu sama lain. Setakat ini, lebih daripada 250 juta orang di seluruh dunia pernah menjadi Pengakap.

3) Persaudaraan Aktiviti-aktiviti Luar

Pengakap ditubuhkan untuk menggalakkan belia-belia melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti luar seperti berkhemah, mengembara dan lain-lain. Aktiviti-aktiviti tersebut melatih seseorang itu menjadi seorang yang berpengalaman dan boleh bergantung kepada dirinya sendiri dan seterusnya membantu orang lain. Sistem Latihan Pengakap Kelana menggalakkan semua ahlinya melatih diri sendiri dalam kemahiran luar.

4) Perkhidmatan Masyarakat

Dalam pembentukan warganegara yang berguna, Pengakap Kelana itu diwajibkan berkhidmat kepada masyarakatnya dengan tujuan untuk keamanan dan kedamaian masyarakat.

5) Fikiran Progresif Antara Belia

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Malaysia memandang ke arah golongan belianya untuk menjadi pemimpin-pemimpin masa depan. Dengan melibatkan diri dalam hal ehwal masyarakat, seorang Pengakap Kelana diharap dapat memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara. Ini dapat dilaksanakan dengan pelbagai cara seperti melanjutkan pelajaran, melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang tiada kaitan unsur politik, ataupun berkhidmat kepada masyarakat.

6) Berdikari

Undang-undang Pengakap yang kesebelas yang dicatatkan, iaitu "Seorang Pengakap itu bukannya bodoh". *A Scout is not a fool*. Dalam latihan Pengakap Kelana, seseorang itu diwajibkan memperoleh tabiat-tabiat berdikari dan dipastikan supaya menjalankan tugas-tugasnya dengan seberapa daya upaya yang boleh.

7) Perlindungan Alam Semula jadi

Dengan pembangunan yang pesat, kita kehilangan sebahagian daripada alam semula jadi kita. Alam semula jadi adalah tempat di mana aktiviti-aktiviti berpengakap dijalankan. Dengan kesedaran ini, Pengakap Kelana diharapkan memainkan peranannya untuk melindungi alam semula jadinya dengan sebaik mungkin.

PENUBUHAN KUMPULAN PENGAKAP KELANA

Sebuah Krew Pengakap Kelana adalah sekumpulan belia berumur di antara 17 ½ hingga 25 tahun yang mempunyai minat yang sama. Terdapat 6 jenis Krew Pengakap Kelana yang berlainan di mana kesemuanya boleh ditubuhkan di bawah Polisi Organisasi dan Peraturan (POR) Persekutuan Pengakap Malaysia. Semua krew adalah didaftarkan di bawah Negeri kecuali Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM). Krew-krew tersebut adalah:

- 1) Krew Pengakap Kelana dalam Kumpulan
Kumpulan ini didaftarkan sebagai Unit Kanan (dewasa) bagi sesuatu kumpulan untuk menyempurnakan struktur keluarga kumpulan tersebut tanpa menggunakan nama kumpulan. Ketua dan Penasihat Krew akan mewakili Krew di dalam majlis kumpulan.
- 2) Krew Pengakap Kelana Tempatan (Kumpulan Terbuka)
Didaftarkan sebagai satu kumpulan berasingan. Krew ini tidak mempunyai jawatankuasa kumpulan dan ahli-ahlinya mendapat sumbangan dengan usaha sendiri.
- 3) Krew Pengakap Kelana Daerah
Sebuah Krew Pengakap Kelana Daerah adalah ditubuhkan dengan cara yang sama seperti sebuah Krew terbuka tempatan.
- 4) Krew Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM)
Krew ini ditubuhkan di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan. Disifatkan sebagai satu kumpulan di bawah unit KLKM (Negeri). Penasihat adalah seorang ahli atau kakitangan institusi berkenaan sama ada kakitangan akademik mahupun kakitangan bukan akademik. Krew KLKM ditubuhkan dengan polisi unit KLKM.
- 5) Krew Pengakap Kelana Aktiviti Istimewa
Krew ini ditubuhkan sebagai krew terbuka bertujuan untuk memberi peluang kepada ahli kumpulan yang berminat menjalankan aktiviti secara berkumpulan seperti *rock climbing, abseiling, caving, scuba diving, marathon* dan lain-lain.
- 6) Krew Perkhidmatan
Ditubuhkan untuk satu masa yang ditetapkan bagi membantu dalam aktiviti besar yang dianjurkan oleh negara atau negeri. Krew ini dibuka kepada semua ahli Pengakap Kelana. Krew ini boleh ditubuhkan untuk menjalankan perkhidmatan bagi sesebuah ibu pejabat atau tempat perkhemahan. Krew tersebut adalah tertakluk di bawah negara atau negeri dan mempunyai peraturan tertentu.

PENDAFTARAN KUMPULAN PENGAKAP KELANA

Permulaan sebuah Krew Pengakap Kelana bukanlah suatu perkara yang mudah. Ini adalah kerana ia melibatkan anggota yang berbilang bangsa dan agama. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa langkah yang perlu diikuti untuk mendaftarkan sesebuah Kumpulan Pengakap Kelana.

Langkah Pertama

- ✓ Mengadakan suatu perjumpaan di antara mereka yang ingin menjadi Pengakap Kelana.
- ✓ Mendapatkan nama penuh dan butiran peribadi mereka.
- ✓ Jika boleh, jemput Pesuruhjaya Pengakap Daerah atau Penolong Pesuruhjaya Pengakap Daerah (Kelana) menghadiri perjumpaan ini.
- ✓ Menerangkan kepada mereka tentang tujuan dan aktiviti Program Latihan Pengakap Kelana.

Langkah Kedua

- ✓ Mendapatkan seseorang yang berusia 26 tahun dan ke atas yang berminat dan bertanggungjawab untuk dilantik menjadi Penasihat Krew Pengakap Kelana.
- ✓ Sekiranya terdapat ahli-ahli perempuan dalam Krew tersebut, seorang Penolong Pemimpin Wanita hendaklah dilantik.

Langkah Ketiga

- ✓ Dapatkan kebenaran Pesuruhjaya Pengakap Daerah, untuk menubuhkan Krew Pengakap Kelana tersebut.

Langkah Keempat

- ✓ Melengkapkan borang-borang yang berkenaan.
- ✓ Menyerahkan borang tersebut kepada Pesuruhjaya Pengakap Daerah untuk dikemukakan kepada Pesuruhjaya Pengakap Negeri.
- ✓ Menjalankan satu perjumpaan khas:
 - Setiap ahli diberi buku panduan Pengakap Kelana
 - Melantik ahli jawatankuasa
- ✓ Menetapkan satu hari untuk menjalankan mesyuarat Krew.
- ✓ Menetapkan yuran Krew.

Langkah Kelima

- ✓ Sekiranya Krew tersebut ditubuhkan di sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT) atau syarikat, dapatkan penganjur untuk mengisi jawatan Majlis Jawatankuasa Kumpulan.

Langkah Keenam

- ✓ Dapatkan borang pendaftaran dan permohonan tauliah pemimpin daripada Pesuruhjaya Pengakap Daerah ataupun Ibu Pejabat Pengakap yang berhampiran.
- ✓ Borang yang lengkap hendaklah diserahkan kepada Pesuruhjaya Pengakap Daerah berserta yuran pendaftaran.

PENASIHAT PENGAKAP KELANA

Bertanggungjawab kepada:

Pemimpin Kumpulan/Ahli Pengakap Kelana (Dalam Kumpulan Pengakap Kelana)

Pesuruhjaya Daerah/Ahli Pengakap Kelana (Ahli Pengakap Kelana Daerah)

Objektif umum

- A) Menggalakkan aktiviti Pengakap Kelana di peringkat kumpulan.
- B) Menggalakkan kemajuan Pengakap Remaja hingga Pengakap Kelana.
- C) Menggalakkan kemajuan setiap ahli Pengakap Kelana.

Bidang tugas jawatan

- A) Menasihati dan membantu Krew Pengakap Kelana seperti yang diperlukan dalam perancangan, pengelolaan dan pengendalian aktiviti Pengakap Kelana.
- B) Seperti yang diperlukan, menasihati ahli-ahli Pengakap Kelana dalam kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan program Pengakap Latihan Pengakap Kelana serta mengenal pasti Jurulatih serta Penasihat yang berkeelayakan.
- C) Menggalak serta menasihati ahli Pengakap Kelana tentang kemajuan mereka dalam Program Latihan Pengakap Kelana
- D) Memastikan kerjasama yang padu dengan bahagian-bahagian lain, terutamanya Pengakap Remaja, dan menggalakkan Pengakap Remaja untuk maju ke Pengakap Kelana, dan Kelana yang berkeelayakan untuk berperanan sebagai Pemimpin Dewasa.
- E) Melalui teladan, menunjukkan nilai akhlak yang tinggi.

MAJLIS PENGURUSAN KREW PENGAKAP KELANA

Bagi melicinkan proses pengurusan kumpulan, Majlis Pengurusan Krew Pengakap Kelana (*Crew Executive*) atau pihak atasan Krew mesti dipilih. Jumlah minima Majlis Pengurusan adalah seramai 3 orang iaitu Ketua Kelana, Setiausaha dan Bendahari. Akan tetapi, kebanyakan kumpulan mempunyai Penolong Ketua Kelana, *Den Warden*, Penolong Setiausaha selaku Pegawai Log Aktiviti dan Kuartermaster. Ahli kumpulan sepatutnya telah diberi penerangan dengan jelas tentang tugas dan tanggungjawab mereka.

Ketua Krew Pengakap Kelana

Ketua Kelana bertanggungjawab:

- 1) Mengetuai Krew dalam mencapai matlamat dan objektif Pengakap Kelana dengan berpandukan peraturan-peraturan yang ada. Berperanan juga menentukan rancangan dalam usaha untuk mencapai matlamat tersebut.
- 2) Mengetuai Majlis Pengurusan Krew Pengakap Kelana.
- 3) Mempengerusikan mesyuarat.
- 4) Mewakili Krew dalam mana-mana mesyuarat bersama persatuan-persatuan lain.
- 5) Menguruskan kumpulan, menetapkan jawatankuasa dan memastikan jawatankuasa yang ditetapkan menjalankan tugas dengan sempurna dan memberi perhatian terhadap setiap kebajikan jawatankuasa.
- 6) Memastikan program Krew berjalan dengan lancar dan mempunyai kemajuan.
- 7) Memastikan tiada masalah antara ahli Krew dan menyelesaikan masalah yang timbul (jika ada) dengan baik.
- 8) Memastikan semua rancangan berjalan dengan lancar.

Penolong Ketua Krew Pengakap Kelana

Penolong Ketua Kelana berperanan:

- 1) Membantu Ketua Krew sebagaimana yang boleh.
- 2) Mengambil alih tanggungjawab Ketua Krew jika dia tidak dapat menghadiri sesuatu majlis.

Setiausaha Krew Pengakap Kelana

Setiausaha bertanggungjawab untuk:

- 1) Mencatat minit mesyuarat.
- 2) Membaca minit mesyuarat yang lalu.
- 3) Membuat agenda mesyuarat dan memaklumkan ahli tentang mesyuarat yang akan diadakan.
- 4) Menerima, menyimpan dan membaca semua urusan dalam mesyuarat.
- 5) Menulis, mengutus dan menyimpan salinan urusan di luar mesyuarat. Kesemuanya akan dibaca dalam mesyuarat yang akan datang.
- 6) Menerima dan menyimpan laporan tentang ahli Krew.

Bendahari Eksekutif Krew

Bendahari pula bertanggungjawab sebagai:

- 1) Menerima dan menyimpan wang pembayaran daripada ahli Krew dan mencatatkan dalam akaun.
- 2) Mengeluarkan resit bagi setiap pembayaran yang dibuat oleh ahli Krew.
- 3) Menimbang rekod perakaunan yang tepat untuk semua penerimaan, pembayaran dan tanggungan kewangan bagi setiap Krew.
- 4) Membuat pembayaran yang sah bagi pihak Krew.
- 5) Menyedia dan menghantar laporan tentang resit, belanjawan dan baki kewangan dalam mesyuarat.
- 6) Menyediakan laporan belanjawan tahunan untuk diperiksa oleh juruaudit Krew dan dibawa dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

'Den Warden'

'Den Warden' bagi setiap Krew bertugas untuk:

- 1) Menguruskan kawasan perkhemahan dan bilik operasi Krew supaya kelihatan kemas dan selesa.
- 2) Menyediakan jadual bertugas untuk ahli Krew dan memastikan kebersihan kawasan perkhemahan dan bilik operasi Krew.
- 3) Memastikan kebersihan kawasan selepas digunakan oleh ahli Krew.
- 4) Memastikan setiap kawasan mempunyai keperluan yang mencukupi terutamanya bekalan air pada masa perkhemahan.

Pegawai Log Aktiviti / Penolong Setiausaha Eksekutif Krew

Pegawai Log Aktiviti bertugas untuk:

- 1) Membantu Setiausaha Krew dalam segala urusan penyediaan kertas kerja dan minit mesyuarat.
- 2) Menguruskan semua laporan aktiviti Krew termasuk laporan bertulis, laporan bergambar dan cenderamata yang dikumpulkan dalam setiap aktiviti.

Kuartermaster

Kuartermaster pula bertanggungjawab untuk:

- 1) Menguruskan segala peralatan dan keperluan Krew.
- 2) Menyimpan senarai peralatan, rekod tentang pengeluaran dan pemulangan peralatan.
- 3) Menyelidik dan mencadangkan pembelian peralatan bagi keperluan tambahan yang diperlukan oleh Krew.

Pegawai Perhubungan Awam

Peranan Pegawai Perhubungan Awam:

- 1) Menonjolkan imej yang baik tentang Krew dan Persatuan Pengakap Malaysia kepada masyarakat dan ahli-ahli Persatuan Pengakap negara yang lain.
- 2) Menggunakan sebarang identiti yang baik daripada Krew dalam usaha menonjolkan imej Krew.
- 3) Memastikan identiti Krew dapat menarik perhatian dan sesuai dengan remaja dan dewasa.
- 4) Memperkenalkan Krew kepada Unit Pengakap Remaja yang terdekat dan menggalakkan mereka menyertai Krew Pengakap Kelana selepas meninggalkan unit berkenaan.

Perwakilan

Tanggungjawab perwakilan ialah :

- 1) Mewakili Krew dalam mesyuarat antara badan-badan rasmi.
- 2) Mengutarakan cadangan-cadangan kumpulan dan menyokong cadangan-cadangan yang dibuat seperti yang telah diperintahkan.
- 3) Memilih cadangan terbaik (jika tiada arahan) demi kepentingan Krew.

- 4) Memaklumkan laporan dari mesyuarat yang telah dihadapinya kepada ahli Krew yang lain dalam mesyuarat Krew.
- 5) Tidak boleh membuat sebarang keputusan tanpa persetujuan ahli-ahli Krew kecuali pada masa-masa tertentu.

Penyelaras Perkhidmatan/Kebajikan

Bertanggungjawab dan bertugas untuk:

- 1) Menguruskan dan menyusun perkhidmatan Krew berdasarkan potensi untuk berkhidmat, jumlah ahli, kesediaan perkhidmatan, kelapangan masa, potensi dan komitmen ahli.
- 2) Memastikan kerja-kerja perkhidmatan adalah berfaedah dan bermanfaat kepada mereka yang memerlukan dan berjalan dengan lancar selaras dengan cogan kata Pengakap Kelana, "BERKHIDMAT".
- 3) Menguruskan kelengkapan yang cukup dan menyelia kerja atau memerintahkan perwakilan untuk berbuat demikian.
- 4) Memastikan perkhidmatan adalah bercirikan program Krew dan seiring dengan matlamat Krew.

Nota: Senarai di atas tidak semestinya setakat itu sahaja. Ahli Krew yang lain boleh mempunyai tanggungjawab yang tertentu berdasarkan keperluan sesebuah Krew Pengakap Kelana. Jika perlu, tulis keterangan jawatan tersebut dan edarkan kepada ahli kumpulan tersebut.

PROSES MENGENAL DIRI (VIGIL)

Hasrat dan tujuan

Maksud dan tujuan proses ini adalah merupakan suatu masa semasa seorang bakal Pengakap Kelana itu, berada di dalam keadaan sunyi dan tenang, menguji dan menyelidik akan dirinya sendiri berdasarkan Persetiaan dan Undang-undang Pengakap. Pada masa ini juga bakal Pengakap Kelana akan merenung kehidupannya, membayangkan akan perbuatannya pada masa yang lalu, perkara yang sedang dibuatnya sekarang serta hasrat dan tujuannya pada masa depan.

Tempat

Sama juga dengan upacara perlantikan, proses mengenal diri ini dijalankan di suatu tempat yang sunyi dan tenang keadaannya. Tempat ini mestilah berada berhampiran dengan tempat upacara perlantikan. Tempat ini dipilih oleh pembimbing dan beliau jugalah orang yang menghantar dan mengembalikan bakal Pengakap Kelana itu (pergi dan balik dari tempat upacara perlantikan).

Proses Mengenal Diri (Bahagian 1)

Berkelana adalah satu daripada cawangan persaudaraan Pengakap yang berasaskan perkhidmatan dan aktiviti luar rumah. Ia merupakan suatu persaudaraan dunia yang mulia, adil dan saksama. Pada masa dahulu, sebelum seorang Pengakap Kelana dilantik, beliau akan menjalani masa percubaan. Ini dikenali sebagai Latihan Bakal Pengakap Kelana. Anda sekarang sudah mengalami latihan ini dan bersedia untuk dilantik sebagai seorang Pengakap Kelana.

Bersedialah kamu untuk menghadapi "PROSES MENGENAL DIRI". Inilah masanya untuk kamu menguji diri sendiri. Dalam proses ini kamu dikehendaki membaca kesemua soalan-soalan berikut, berfikir dengan secukupnya tentang soalan-soalan tersebut, cuba menjawabnya dengan bersungguh-sungguh dan tulus ikhlas. Dengan ini, kamu akan menyedari kebolehan dan keupayaan kamu untuk melengkapkan diri sendiri untuk menjadi seorang manusia yang lebih baik dan berguna.

- 1) Adakah saya telah menggunakan dengan baik kehidupan ini yang direstui oleh Tuhan ?
- 2) Adakah saya menggunakan masa saya dengan berfaedah ?
- 3) Adakah saya pernah membuat apa jua pun yang tidak berguna kepada orang ramai ?

- 4) Adakah saya dapat menolong orang lain ataupun saya tidak menghiraukan akan hal mereka ataupun saya asyik mencari kebahagiaan diri sendiri sahaja ?
- 5) Siapakah yang telah saya luka dalam hidup saya? Bolehkah saya membetulkannya?
- 6) Siapakah yang telah menolong saya dalam hidup saya? Adakah saya telah menghargainya?
- 7) Adakah terdapatnya orang lain yang boleh saya beri pertolongan atau bantuan?

Proses Mengenal Diri (Bahagian 2)

Cogan kata Pengakap Kelana ialah “BERKHIDMAT”. Dengan ini, mereka yang mewakili Krew Pengakap Kelana ini berpeluang untuk memberi khidmat kepada masyarakat.

- 1) Kenapa saya memilih untuk menjadi seorang Pengakap Kelana?
- 2) Adakah saya memilihnya kerana saya hendak bersuka ria sahaja?
- 3) Apakah makna ‘BERKHIDMAT’ itu?
- 4) Apakah perkhidmatan yang boleh saya laksanakan? (Di rumah, pejabat, institusi ataupun pada masa lapang)

Perkhidmatan, sewajarnya adalah satu perkara yang baik dan mulia. Sebagai seorang manusia, kalau kita dapat memberi pertolongan kepada seorang manusia lain ataupun kepada masyarakat pada keseluruhannya, perasaan kepuasan dalam hati dapat dirasai dengan ketara.

Kejayaan dalam memberi khidmat itu bergantung kepada sifat perwatakan khas kita, dengan ini kita mesti mempunyai disiplin yang kuat untuk menanggung kewajipan ini.

- 1) Adakah saya akan dapat menghentikan semua perbuatan dan kelakuan saya yang dianggap buruk dan kasar?
- 2) Apakah kelemahan saya?
- 3) Adakah saya setia kepada Tuhan, Raja dan juga keluarga saya?
- 4) Adakah perangai saya baik, berbudi dan peramah kepada orang lain?
- 5) Adakah saya sabar menghadapi masalah-masalah saya?
- 6) Adakah saya mempunyai pendapat saya sendiri sahaja ataupun sentiasa membiarkan orang lain mengarahkannya?
- 7) Adakah perangai saya cukup kuat untuk menghalang diri saya daripada terdorong untuk berjudi, minum minuman keras ataupun merendahkan maruah dan kehormatan kaum wanita (bagi Pengakap Kelana lelaki)?
- 8) Kalau saya lemah dalam sesuatu perkara tertentu, adakah saya dapat membuat keputusan untuk mengatasinya dengan meminta bantuan atau pertolongan daripada orang lain?

Pengakap Kelana adalah seorang dewasa dan pada masa inilah Persetiaan dan Undang-undang Pengakap mesti diselidik dan diikuti daripada pandangan seorang dewasa. Baca dan cuba beri contoh bagaimana sebagai seorang Pengakap Kelana, dapat menggunakan pengetahuan tersebut untuk meningkatkan taraf pandangan terhadap kehidupan sebagai seorang ahli masyarakat sehingga ke tahap yang tertinggi.

Istiadat perlantikan seorang Pengakap Kelana

Berikut ini merupakan Istiadat Perlantikan yang disyorkan untuk melantik seorang yang baru menjadi Pengakap Kelana.

Setelah selesai dan cukup persediaan, seseorang Pengakap Kelana atau orang muda akan dibawa ke hadapan Krew Pengakap Kelana oleh seorang Pengakap Kelana yang menjadi penganjurnya. Semua Pengakap bersedia dalam pakaian seragam Pengakap penuh. Penasihat Krew Pengakap Kelana (PPK) akan berdiri menghadap mereka dan memanggil nama calon berkenaan dengan berkata:

PPK: Adakah anda datang ini dengan hajat untuk menjadi seorang Pengakap Kelana dalam Persaudaraan Pengakap Sedunia kami yang luas?

Calon: Ya, saya.

PPK: Adakah anda faham bahawa "BERKHIDMAT" itu bermakna bahawa anda pada setiap masa akan bersikap baik budi terhadap orang lain dan dengan seberapa daya upaya akan menolong mereka, walaupun dalam keadaan-keadaan yang kurang menyenangkan atau kurang sesuai atau kurang menyeronokkan hati kamu, dan anda juga tidak mengharap apa-apa faedah pun daripadanya?

Calon: Ya, saya bersetuju.

PPK: Kefahaman kepada perkara-perkara ini adalah penting. Saya dengan ini Menjemput anda untuk memperbaharui ikrar (ATAU "melafazkan" jika calon itu bukan seorang Pengakap) Persetiaan Pengakap. Ingat bahawa anda dengan ini diharapkan sudah berkebolehan untuk mentafsirnya bukan sebagai seorang Pengakap Kanak-kanak tetapi sebagai seorang Dewasa.

Calon: (Melafazkan Persetiaan Pengakap)

PPK: Atas kehormatan diri anda, saya percaya anda mematuhi
Persetiaan itu.

Selepas itu, PPK berjabat tangan dengan calon dan memakaikan epolet atas
bahu Pengakap Kelana.

TANGGUNGJAWAB MAJLIS PENGURUSAN KUMPULAN

Pengurusan Krew adalah tanggungjawab semua ahli. Untuk menjadikannya lebih berkesan, corak pertubuhannya haruslah disesuaikan oleh setiap Krew. Corak ini bergantung kepada had atau keperluan Krew, saiznya dan kedudukannya dalam keseluruhan pertubuhan pergerakan (kumpulan, daerah, negeri, negara, dan sebagainya).

Setiap Krew juga disesuaikan dengan corak pengurusan termasuklah Majlis Pengurusan Krew, di mana setiap ahli mempunyai tanggungjawab tertentu seperti latihan, kewangan, program/aktiviti, kelengkapan, rekod perhubungan dan lain-lain. Dalam sebuah Krew yang besar, setiap ahli Majlis Pengurusan Krew adalah ketua kepada setiap bahagian. Seharusnya setiap ahli mempunyai kesedaran dan bertanggungjawab untuk hal-hal kebajikan dan kemajuan Krew.

Mesyuarat Pengurusan

Mesyuarat pengurusan bagi semua ahli Krew dikenali sebagai Majlis Pengurusan Krew (*Crew in Council*). Dalam mesyuarat ini, keputusan utama akan dibuat merujuk kepada keputusan sebulat suara, dan jika perlu, undi majoriti akan dijalankan. Biasanya Ketua Krew akan menjadi pengerusi dan setiap ahli Majlis Pengurusan Krew akan melaporkan diri kepada ahli mengenai kegiatan dan kemajuan Krew. Ketua Krew juga akan menerima laporan daripada perwakilan yang telah menghadiri mesyuarat peringkat negeri atau daerah.

Kekerapan mesyuarat pengurusan bergantung kepada perkara-perkara yang ingin diperbincangkan dan mesyuarat bulanan Krew adalah untuk memenuhi kehendak Krew dan juga mengikut keperluan. Agenda mesyuarat perlu diedarkan supaya ahli Krew tahu apa yang ingin diperbincangkan. Selain itu, minit mesyuarat yang lepas mengandungi senarai topik perbincangan, keputusan dan ahli yang membuat keputusan dalam mesyuarat tersebut.

Mesyuarat pengurusan Krew juga penting dalam pengendalian Skim Latihan Pengakap Kelana. Apabila ahli Pengakap Kelana berusaha untuk memenuhi skim Latihan tersebut, di antara syarat-syarat untuk mendapatkannya ialah membuat cadangan dalam mesyuarat selain dari mengikuti aktiviti yang dijalankan dan mencapai objektif program tersebut.

Pemilihan dan Pengundian

- » Mesyuarat agung diadakan bertujuan untuk membuat pemilihan dan pengundian.
- » Sekurang-kurangnya sebanyak 60% daripada ahli-ahli kumpulan mesti menghadiri mesyuarat tersebut.

- » Dalam proses pengundian, hanya ahli Pengakap Kelana yang telah dilantik berhak mengundi.
- » Bagi meluluskan sesuatu cadangan, sekurang-kurangnya mendapat persetujuan 60% daripada ahli-ahli yang menghadiri mesyuarat tersebut.
- » Dalam pemilihan atau proses untuk membuat keputusan, sekurang-kurangnya 3 orang daripada ahli-ahli jawatankuasa Majlis Pengurusan Krew mestilah menghadiri mesyuarat.

Penubuhan dan Pengurusan Krew

Apabila sekumpulan ahli ingin membuat perbincangan, semangat bekerjasama dan semangat berkumpul ahli perlu dipupuk supaya sesuatu objektif dapat dipersetujui. Mana-mana Krew lebih mudah dan cenderung untuk mencapai sesuatu objektif, jika salah seorang daripada mereka berketrampilan menjadi seorang ketua. Tugas seorang ketua itu akan lebih berkesan apabila ia mendapat komitmen daripada ahli-ahli lain.

Ketua Krew

Dalam keahlian Pengakap Kelana, ketua kumpulan bagi Pengakap Kelana dikenali sebagai Ketua Krew iaitu salah seorang daripada ahli Pengakap Kelana yang dipilih oleh Krew untuk jangka masa yang tertentu. Untuk jawatan Ketua Krew, seseorang ahli Pengakap Kelana hanya boleh memegangnya selama setahun dan ini membolehkan lebih ramai ahli berpeluang untuk memegang jawatan tersebut. Oleh itu, setiap ahli akan mendapat pengalaman daripada memegang jawatan ini. Walau bagaimanapun, Krew boleh menetapkan syarat-syarat untuk jangka masa yang lebih lama atas sebab-sebab tertentu. Jangka masa kurang daripada satu tahun adalah tidak digalakkan kerana seseorang Ketua Krew itu mengambil masa beberapa bulan untuk menyesuaikan diri dengan tugas dan mereka sepatutnya diberi jangka masa yang sesuai untuk mempraktikkan kemahiran yang ada.

Sebelum ahli Pengakap Kelana memilih calon bagi jawatan Ketua Krew, calon tersebut seharusnya menyempurnakan Latihan Asas Kepimpinan Manikayu iaitu Kursus Manikayu Pengenalan, Modul A dan Modul B. Selain itu, ahli-ahli Pengakap Kelana yang telah melengkapkan Kursus Manikayu Pengenalan, Modul A dan B boleh melanjutkan kepada Kursus Manikayu Lanjutan, iaitu Modul C dan Modul D.

Penasihat Krew Pengakap Kelana

Penasihat Krew Pengakap Kelana berperanan untuk menasihati dan membantu ahli seperti yang diperlukan, dalam perancangan, pengendalian dan sebagai pembimbing untuk menjalankan aktiviti kumpulan. Dia seharusnya menasihati ahli-ahli Pengakap Kelana dalam penggunaan kemahiran untuk program-program Pengakap Kelana dan sistem penganugerahan atau mencari jurulatih dan pengajar yang bertauliah jika mereka diperlukan.

Walau bagaimanapun, ianya bukan bertugas dalam memberi arahan dan Penasihat Krew Pengakap Kelana tidak digalakkan berbuat demikian. Umur Penasihat Krew Pengakap Kelana adalah tidak kurang daripada 26 tahun tetapi had minima umur yang digalakkan adalah 30 tahun. Sebelum dilantik untuk menjawat jawatan Penasihat Krew Pengakap Kelana, dia mestilah telah melengkapkan kursus Manikayu sehingga Peringkat III atau Modul B dan menyiapkan sehingga Peringkat V atau Modul D dalam dua tahun.

Mesyuarat Krew

Mesyuarat atau perjumpaan Krew yang biasanya diamalkan boleh dibahagikan kepada lima kategori iaitu:


- » Mesyuarat bulanan
- » Latihan
- » Aktiviti luar
- » Aktiviti perkhidmatan
- » Aktiviti Kemasyarakatan/Sosial

Mesyuarat bulanan kebiasaannya diadakan sekali sebulan dan tempoh sesuatu mesyuarat adalah selama 2 jam. Di dalam setiap mesyuarat yang diadakan, Ketua Kelana bertanggungjawab untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut.

Tujuan Mesyuarat Bulanan Pengakap Kelana ialah:

- 1) Merancang aktiviti-aktiviti yang akan diadakan pada masa hadapan.
- 2) Melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah diadakan.
- 3) Memaklumkan ahli-ahli Krew tentang aktiviti-aktiviti luar yang akan diadakan.
- 4) Melaporkan pencapaian ahli mengikut Program Latihan Pengakap Kelana.

Prosedur Menjalankan Mesyuarat Bulanan



Contoh Agenda Mesyuarat Bulanan:

- 1) Ucapan alu-aluan oleh Pengerusi
- 2) Pembukaan mesyuarat
- 3) Ketua Kelana membuka Buku Panduan Pengakap Kelana pada muka surat Undang-undang Pengakap. Seterusnya '*pennant*' diletakkan di atas meja dan Ketua Krew mengumumkan "Saya membuka mesyuarat ini".
- 4) Ahli-ahli Krew berdiri menghadap bendera negara dan memberikan tanda hormat.
- 5) Bacaan Persetiaan Pengakap
- 6) Bacaan Doa
- 7) Pengumuman aktiviti oleh Setiausaha Eksekutif
- 8) Pembentangan dan pengesahan Minit Mesyuarat yang lalu
- 9) Perkara-perkara terbangkit
- 10) Hal surat-menyurat:
 - Masuk

- Keluar
- 11) Laporan:
 - Kewangan
 - Lain-lain
- 12) Aktiviti yang dijalankan:
 - Mesyuarat
 - Aktiviti-aktiviti luar
- 13) Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh kumpulan lain, Daerah, Negeri, dan/atau Kebangsaan
- 14) Hal-hal lain
- 15) Penangguhan mesyuarat atau tarikh mesyuarat yang akan datang
- 16) Doa
- 17) Penutup Mesyuarat

Ketua Krew menutup Buku Panduan Kelana, menggulung '*pennant*' dan melipat bendera. Seterusnya, Ketua Krew mengisytiharkan "Mesyuarat ini ditangguhkan, terima kasih. Krew bersurai".

Semasa mesyuarat diadakan, selain daripada mengikut agenda yang telah dibuat, Pengerusi juga bertanggungjawab dalam mengumumkan penutupan dan permulaan mesyuarat, pengesahan sokongan bagi minit mesyuarat dan laporan serta memastikan semua ahli tahu bila dan di mana program seterusnya dijalankan.

Setiasa pula bertanggungjawab untuk melaporkan kedudukan kewangan. Ahli-ahli Majlis Pengurusan Kumpulan yang lain pula akan melaporkan hal yang berkaitan supaya ahli tahu apa yang berlaku seterusnya.

Adalah penting mesyuarat dijalankan dengan betul supaya ahli berpuas hati dan masa mereka tidak terbuang begitu sahaja.

Laporan jawatankuasa kecil haruslah ringkas tetapi padat. Belanjawan perlu dirancang dan sasaran perlu ditetapkan. Mesyuarat sepatutnya dijalankan di bilik khas atau persekitaran yang sesuai dan selesa.

Usul sepatutnya dicatat sebelum keputusan dibuat. Setelah semua cadangan dipersetujui, usul akan ditetapkan kemudian pengundian dijalankan.

Ketiadaan Penasihat Krew Pengakap Kelana

Jika sesebuah Krew tidak mempunyai penasihat Pengakap Kelana atau sesebuah pasukan itu baru sahaja ditubuhkan dan tidak mempunyai dasar/asas atau ahli yang berpengalaman, ianya dicadangkan agar latihan kenaikan pangkat ini dijalankan oleh pasukan Kelana yang dijemput dan diiktiraf oleh Pesuruhjaya Daerah ataupun Penasihat Pengakap Kelana yang diundang untuk membantu pasukan tersebut.

LATIHAN PENGAKAP KELANA

Latihan Pengakap Kelana diadakan untuk meningkatkan kemahiran daripada pelbagai aspek daripada sesebuah Krew kepada Krew yang lain. Ia adalah tanggungjawab utama sesebuah Krew. Di peringkat yang terendah, latihan yang dijalankan oleh sesebuah Krew ialah tempoh percubaan untuk menyelesaikan dan menambah pengetahuan mengenai konsep Pengakap Kelana dan sesebuah Pergerakan Pengakap secara umumnya.

Selain itu, latihan ini juga dinilai dari segi kemahiran dan kesusilaan. Latihan formal ini termasuk masa untuk seseorang individu itu meningkatkan pemahaman peribadi melalui pemeriksaan sendiri. Cara yang biasa digunakan untuk menjalankan latihan ialah dengan latihan bakal Kelana.

Latihan Bakal Kelana (*Squire*)

Di dalam sesebuah Krew di mana latihan bakal Kelana ini dijalankan, garis panduan berikut perlu diikuti:

» Jangka masa latihan bakal Kelana

Latihan bakal Kelana memakan masa tidak lebih daripada 3 bulan. Walau bagaimanapun, latihan bakal Kelana ini perlu disesuaikan dengan seseorang individu. Masa yang diambil bagi sesebuah latihan bakal Kelana mestilah dibuat dengan cermat di antara Krew tetapi ia mestilah dibuat pada jangka masa yang minima.

» Latihan Peningkatan Kemahiran Sebagai Bakal Kelana

Apabila seseorang Pengakap Remaja memasuki Krew Pengakap Kelana, mereka selalunya akan mengadakan sebuah Istiadat yang dikenali sebagai Istiadat Meningkatkan Naik. Bakal Kelana adalah orang yang berkelayakan untuk menyertai Pergerakan Pengakap dan mungkin juga layak untuk menyertai Kelana.

Majlis Penganugerahan adalah satu majlis yang ringkas. Ia hanya melibatkan penyampaian tanda nama ahli kumpulan dan Lencana Kelana. Salinan daripada Peraturan Krew juga haruslah dibentangkan jika ia belum dibentangkan.

» Pembimbing

Di dalam sesebuah pasukan, pembimbing selalunya adalah untuk membantu bakal Kelana di dalam Latihan Bakal Kelana. Pembimbing

sering kali terdiri daripada Pengakap Kelana yang lebih berpengalaman dan diiktiraf oleh pasukan untuk melatih bakal Kelana, yang tertentu. Penaja juga sepatutnya menggalakkan bakal Kelana untuk melengkapkan latihan bakal Kelana mereka. Pembimbing bertindak sebagai penghubung utama bakal Kelana dengan ahli pasukan seluruhnya bagi membantu melicinkan lagi latihan tersebut ataupun bagi menjawab apa-apa persoalan mahupun menyelesaikan masalah-masalah yang timbul yang dihadapi oleh bakal Kelana.

Nota: Adalah penting untuk mendapatkan pembimbing yang terlatih terlebih dahulu bagi menasihati bakal Kelana, atau sesiapa yang terlibat. Peranan sebagai pembimbing sememangnya perlu dipikul dengan penuh rasa tanggungjawab.

Apa yang perlu dilakukan?

Adalah disyorkan agar latihan bakal Kelana ini dibahagikan kepada 4 bahagian:

- 1) Latihan Kesusilaan (*Ethical Training*)
- 2) Latihan Praktikal (*Practical Training*)
- 3) Proses Mengenal Diri (*Vigil*)
- 4) Upacara Pelantikan (*Investiture*)

Tiada latihan bagi latihan bakal Kelana dalam nombor 3) dan 4). Sebagai seorang Pengakap Kelana, seharusnya latihan ini dijalankan dengan baik dan mempunyai rasa bertanggungjawab.

1) Latihan Kesusilaan (Ethical Training)

Adalah diharapkan agar sepanjang tempoh latihan kesusilaan (*ethical training*) ini berjalan di dalam latihan bakal Kelana, mereka akan menjadi lebih peka terhadap kepercayaan orang lain melalui sesi perbincangan demi perbincangan yang selalunya dikendalikan jauh daripada pejabat Pengakap Kelana dan dibimbing oleh Penasihat Krew Pengakap Kelana atau orang yang bertanggungjawab untuk latihan bakal Kelana ini yang ada dalam Krew masing-masing.

Perbincangan yang dijalankan adalah mengenai Persetiaan dan Undang-undang Pengakap. Sesi-sesi ini akan mempunyai hubungan kait dengan setiap individu dan akan diambil dari sumber-sumber lain seperti pengalaman individu, bahan-bahan baru dan lain-lain. Adalah diharapkan melalui perbincangan ini, bakal Pengakap Kelana akan dapat memajukan diri dengan lebih luas, bersikap toleransi dan mempunyai pengetahuan tentang hidup ini.

2) Latihan Praktikal (*Practical Training*)

Fasa ini akan mengajar, melatih atau mengukuhkan lagi beberapa kemahiran yang dianggap paling penting dalam Pengakap Kelana. Kemahiran-kemahiran ini tertumpu kepada asas-asas Pengakap dan asas-asas pertolongan cemas. Melalui latihan praktikal yang dijalankan, ia juga menggalakkan Krew menyertai sepenuhnya aktiviti yang dijalankan.

3) Proses Mengenal Diri (*Vigil*)

Proses ini adalah satu tempoh di mana ianya dijalankan untuk menguji diri sebelum diberi kuasa. Apa yang diutamakan pada peringkat ini ialah supaya sebelum mereka menjadi Pengakap Kelana dengan bantuan beberapa soalan. Dalam proses ini, mereka sendiri memikirkan apa yang telah mereka lakukan sepanjang hidup mereka dan sama ada mereka telah bersedia untuk diberi kuasa menjalankan Persetiaan Pengakap dari peringkat yang lebih matang dan dewasa.

4) Upacara Pelantikan (*Investiture*)

Pelantikan kepada seorang ahli Pengakap Kelana adalah sebagai tanda keahlian dan juga kepada diri sendiri. Peranan bakal Kelana dalam upacara ini akan diterangkan sepenuhnya oleh Penasihat Krew Pengakap Kelana atau Ketua Krew.

Program Kursus Manikayu Bagi Pengakap Kelana

Pengakap Kelana yang telah diiktiraf perlu mengambil beberapa peringkat latihan secara individu atau berkumpulan sama ada formal atau tidak formal. Anugerah Rambu diberikan kepada Pengakap Kelana yang mengambil bahagian dalam sesuatu rancangan dengan latihan dalam kawasan yang meliputi "Aim of Association". Pengakap Kelana yang mempunyai keinginan untuk memegang jawatan seperti Ketua Kelana ataupun wakil di peringkat daerah atau negeri sepatutnya berusaha untuk melengkapkan Kursus Manikayu bagi Pengakap Kelana.

ISTIADAT-ISTIADAT DALAM PENGAKAP KELANA

Di dalam pergerakan Pengakap, mengadakan istiadat telah menjadi satu tradisi yang boleh memberi perangsang dan menaikkan semangat mereka yang mengambil bahagian. Sepanjang perjalanan Pengakap Kelana, banyak istiadat boleh diadakan seperti pelantikan ahli baru, perpisahan ahli lama, permulaan dan tamat suatu perjumpaan, penyerahan tauliah jawatan dan sebagainya. Itu terpulanglah kepada pasukan itu untuk menentukan istiadat yang perlu, bila masanya dan bagaimana cara menjalankannya. Seperti istiadat-istiadat dalam bahagian Pengakap yang lain juga :

- 1) Istiadat-istiadat itu hendaklah pendek, tidak membosankan orang ramai dan para peserta. Jadi istiadat-istiadat terlalu panjang atau rumit, tujuannya mungkin tersembunyi dalam perbuatan-perbuatan yang tidak mustahak.
- 2) Istiadat itu hendaklah penuh makna, membuat pesertanya merasa bangga. Persediaan hendaklah dibuat dari awal-awal lagi supaya istiadat itu berjalan lancar dari awal hingga akhir.
- 3) Istiadat-istiadat dalam Pengakap Kelana biasanya diadakan dalam pasukan untuk ahli-ahlinya sahaja dan jarang dijalankan di khalayak umum.
- 4) Istiadat-istiadat itu dijalankan oleh ahli-ahli pasukan bersama penasihatnya. Siapakah yang akan mengetuai dan menjalankan istiadat-istiadat itu terpulanglah kepada pasukan itu untuk menentukannya.
- 5) Istiadat itu hendaklah dijalankan di tempat-tempat yang sesuai seperti di den dan ibu pejabat pasukan, di dewan atau di tempat awam.
- 6) Istiadat-istiadat itu dijalankan dengan rasmi, oleh itu ahli-ahli pasukan hendaklah memakai pakaian seragam yang lengkap.

Garis Panduan Istiadat

Sungguhpun istiadat-istiadat itu biasanya untuk ahli-ahli sahaja, pasukan itu boleh menentukan siapa yang boleh menghadirinya. Itu hendaklah ditetapkan dengan tegas supaya tidak menjadi perbalahan kelak.

Dalam mengaturkan istiadat-istiadat, perkara-perkara agama hendaklah difikirkan dan kegunaan bendera-bendera bagi menentukan bahawa istiadat itu berjalan dengan sempurna dan mengikut peraturan.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan istiadat-istiadat itu hendaklah pendek, mudah dan kemas supaya ia mendatangkan kesan yang baik, bermakna dan menjadi satu peristiwa yang tidak dapat dilupakan.

Mengenai perkara agama, seperti membaca doa dan lain-lain yang berkaitan. Perkara itu hendaklah difikirkan betul-betul dan minta nasihat pihak yang

berkenaan supaya tidak menyinggung perasaan ahli-ahli yang mungkin berbilang kaum.

Jenis-jenis Istiadat

Dalam Program Pengakap Kelana, peluang untuk mengadakan istiadat adalah banyak dan itu terpulang kepada pasukan itu memikirkannya seperti :

- I. Istiadat pembukaan
- II. Istiadat penutupan
- III. Istiadat meningkat daripada Pengakap Remaja kepada Kelan
- IV. Istiadat pelantikan
- V. Istiadat penyampaian
- VI. Istiadat perpisahan

Beberapa perkara seperti jenis istiadat itu, di mana hendak diadakan, siapa ketuanya dan siapa yang hendak dijemput hendaklah dibincangkan sebelum istiadat itu diadakan. Dalam beberapa istiadat sama ada dijalankan di luar, di dalam, menaik atau menurunkan bendera adalah juga satu tradisi mengingatkan Pengakap Kelana kepada tanggungjawab terhadap negara, diikuti dengan doa sebagai tanda taat kepada Tuhan.

Istiadat Pelantikan

Istiadat pelantikan itu adalah penting dalam perjalanan Pengakap Kelana dan tidak boleh ditinggalkan kerana di situ dia melafazkan balik atau melafazkan Persetiaan Pengakap serta menekan kepadanya tanggungannya yang tertentu serta mengingatkan balik kepada janji-janjinya seperti :

- 1) Janjinya taat kepada Tuhan dan sesungguhnya mencuba mengembangkan kebaikan rohaninya dengan beribadat.
- 2) Janjinya taat kepada Raja dengan bersungguh-sungguh mencuba mengetahui akan pentadbiran kerajaan negerinya dan memainkan peranannya sebagai seorang rakyat yang bertanggungjawab.
- 3) Janjinya berkhidmat dengan keluarganya, jiran-jirannya dan pergerakan pengakap. Dia hendaklah dengan sedaya upayanya mengemaskan dirinya supaya tidak menjadi bebanan kepada masyarakat dan negara.
- 4) Janjinya mematuhi Undang-undang Pengakap sebagai Rukun Hidupnya yang membawa dia kepada persaudaraan dan perpaduan, hidup dengan suci dan harmoni.

Pelantikan dalam Pengakap Kelana terbahagi kepada 2 bahagian:

- 1) Proses Mengenal Diri (Vigil)
- 2) Istiadat pelantikan

Istiadat itu adalah berlainan daripada istiadat dalam bahagian-bahagian istiadat lain. Di sini bakal Pengakap Kelana itu mara dan berdiri di hadapan pasukannya melafazkan Persetiaan Pengakap dan setelah selesai lafaz itu, Pemimpin Pengakap Kelana menyampaikan apa jua yang telah ditentukan terlebih dahulu seperti lencana, kad keahlian, epolet dan sebagainya.

PROGRAM

Aktiviti

Setiap Pergerakan Pengakap Kelana adalah bertanggungjawab terhadap segala program yang dijalankan dan setiap program yang dijalankan haruslah dapat menarik perhatian dan seterusnya dapat menggalakkan penyertaan orang lain. Pelbagai aktiviti boleh disenaraikan dan aktiviti tersebut tidak lebih dari daya imaginasi Krew tersebut dan tidak mengetepikan perasaan moraliti ahli dan undang-undang setempat.

Elemen yang paling penting dalam mana-mana program ialah keseimbangan. Program yang dikatakan seimbang ialah yang mempunyai sesuatu untuk disampaikan kepada semua ahli dan yang memperkenalkan Pengakap Kelana kepada kemahiran baru, cabaran baru dan idea-idea baru. Untuk mencapai program yang seimbang, kepelbagaian yang menarik perlu dititikberatkan. Setiap ahli Pengakap Kelana perlu mengambil sikap 'tidak melakukan perkara yang sama, dengan cara yang sama sebanyak dua kali' atau 'never do the same thing, the same way, twice', maka program pasukan yang dijalankan akan sentiasa menarik minat. Kemudian, tujuan setiap program yang diadakan itu tidak perlu difikirkan. Tujuan untuk setiap aktiviti perlulah seiring dengan usaha untuk mencapai sasaran dan objektif pengakap itu sendiri. Apabila ini telah dicapai, pembabitan diri dan penyertaan orang ramai perlu digalakkan lagi. Seterusnya apabila mereka telah terlibat dalam perancangan sesuatu program, ketika itu mereka akan turut serta dan berada dalam aktiviti tersebut.

MERANCANG DAN MELAKSANAKAN PROGRAM

Untuk merancang sesuatu program, hari dan masa yang sesuai untuk membuat perjumpaan hendaklah ditentukan terlebih dahulu. Dalam perjumpaan tersebut, akan dibincangkan pula berapa kali mesyuarat yang seterusnya akan dijalankan. Biasanya mesyuarat yang seterusnya akan dijalankan untuk pengurusan sesuatu aktiviti dilaksanakan sebulan sekali.

Pada setiap awal tahun, program-program yang akan dijalankan pada sepanjang tahun akan disenaraikan. Ini akan menggalakkan ahli-ahli Kelana lebih bersedia dan mempunyai masa yang panjang untuk memikirkan idea-idea yang membina untuk persiapan pelaksanaan program yang bakal dijalankan nanti. Kemudian, penerangan yang lebih lanjut akan dibuat dalam masa 3 hingga 4 bulan sebelum program. Penerangan ini termasuklah mengenai mesyuarat pengurusan, Krew-krew, kawasan, komitmen dari pasukan negeri, aktiviti-aktiviti harian dan hujung minggu dan juga aktiviti-aktiviti sukarela. Sebagaimana yang telah diterangkan, kerja sukarela merupakan sebahagian besar daripada aktiviti-aktiviti Krew Pengakap Kelana.

Idea-idea Program

Berikut disenaraikan beberapa idea untuk menjalankan program. Ini tidak bermakna aktiviti yang telah tersenarai ini adalah yang terbaik, cuma sebagai contoh dan agar idea-idea yang lebih baik dan menarik dapat dicetuskan. Untuk memastikan program-program ini dibenarkan, rujukan hendaklah dibuat kepada Pesuruhjaya Daerah kawasan masing-masing.

- I. Memasak luar rumah
- II. Orienteering
- III. Projek perintis
- IV. Berkhemah
- V. 'Sky diving'
- VI. 'Abseiling'
- VII. Meneroka gua
- VIII. Pertolongan cemas
- IX. Kerja-kerja sukarela dengan masyarakat
- X. Melibatkan diri dengan persekitaran
- XI. Aktiviti-aktiviti berkumpulan
- XII. Pimpinan belia
- XIII. Aktiviti-aktiviti Pengakap Kelana / Pengakap Remaja
- XIV. Penceramah jemputan
- XV. Pertandingan berkereta
- XVI. Permainan berhalangan
- XVII. Membuat lawatan ke organisasi-organisasi lain
- XVIII. Malam kebudayaan (campfire)

- XIX. Meluncur ais / meluncur air
- XX. Aktiviti-aktiviti rakan muda
- XXI. Latihan menyelamatkan nyawa
- XXII. Merentas desa
- XXIII. Memancing
- XXIV. Berkayak
- XXV. Berakit
- XXVI. Mendaki gunung
- XXVII. Belayar
- XXVIII. Penerbangan
- XXIX. Berkhidmat kepada bahagian-bahagian lain
- XXX. Berkhidmat pada Hari Pahlawan
- XXXI. Bergiat secara aktif dalam aktiviti daerah dan negeri
- XXXII. Pembimbing latihan 'abseiling'
- XXXIII. Kursus ketua bahagian
- XXXIV. Acara-acara sosial
- XXXV. Sukan memanah dan polo
- XXXVI. Membuat rancangan radio sendiri
- XXXVII. Permainan
- XXXVIII. Kuiz malam

UNDANG-UNDANG KECIL

Nama

Krew ini dinamakan Krew Pengakap Kelana

.....
di bawah Perkara 248 hingga 274E Akta Parlimen No. 38 tahun 1968 (Dasar, Pertubuhan dan Peraturan Persekutuan Pengakap Malaysia).

Alamat

XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

Tempat Mesyuarat

Di alamat tersebut di atas atau di mana-mana tempat dipersetujui oleh Pengerusi.

Tugas-tugas Krew

- I. Memelihara dan menggalakkan pergerakan ini dalam Persekutuan Pengakap Daerah dan Negeri dan bekerjasama dengan lain-lain kumpulan Pengakap yang berdaftar.
- II. Mengerjakan, seperti telah ditetapkan, berkenaan segala perkara yang diperuntukkan kepadanya di bawah “Dasar Pertubuhan dan Peraturan Persekutuan Pengakap Malaysia dan Akta Parlimen No. 38 tahun 1968” dan pindaan khasnya berkenaan Tauliah-tauliah di bawah Bahagian IV. Pangkat-pangkat yang Tidak Bertauliah dan Kehormat di bawah peraturan “Persekutuan Pengakap Malaysia” di bawah Tambahan Hujungan C. Pendaftaran-pendaftaran Kumpulan di bawah Peraturan 177 hingga 196. Keahlian pengakap Kanak-kanak, Pengakap Muda, Pengakap Remaja, Pengakap Kelana, Pengakap Berseorangan dan Pengakap Kelana Berseorangan di bawah peraturan 197 hingga 200. Pingat-pingat kebaktian dan Anugerah-anugerah di bawah Bahagian IX.
- III. Bekerjasama dengan Pertubuhan Belia yang lain dalam Daerah itu.

- IV. Menjaga hal kewangan dan harta Persekutuan Pengakap Daerah mengikut peraturan-peraturan dalam Seksyen V Dasar Persekutuan Pengakap Malaysia.
- V. Mencari dan mentadbirkan wang perbelanjaan bagi menjalankan pekerjaannya dan bagi membantu kumpulan-kumpulan dalam Daerah ini dengan jalan-jalan yang sesuai, asalkan semua cara-cara mencari wang adalah menurut Seksyen V dan wang serta harta benda ditadbirkan menurut peraturan 148 hingga 150.
- VI. Memberi sokongan penuh dan membantu Pesuruhjaya Pengakap Daerah dalam kerja-kerjanya seperti tersebut di bawah peraturan 124 hingga 126 dan menerima ia sebagai kuasa yang diperuntukkan kepadanya menurut D.P.P. bagi latihan, pentadbiran dan kem Pergerakan Pengakap dalam Daerah itu.
- VII. Mengirim kepada Majlis Pengakap Negeri dan Majlis Pengakap Daerah tiap-tiap tahun salinan laporan tahunan dan penyata kira-kira yang telah diaudit bersama dengan jadual harta tidak lewat daripada 28hb Februari, dan juga nama-nama dan alamat-alamat pemegang-pemegang jawatan yang telah dipilih dalam mesyuarat Agung Tahunan Krew.

Seorang Penasihat Krew

Dicadangkan oleh Krew dan diperakui oleh Pesuruhjaya Daerah. Satu tauliah akan dikeluarkan kepadanya oleh Persekutuan Pengakap Malaysia.

Tugas-tugas Penasihat Krew

- I. Menasihatkan Krewnya dengan dibantu oleh Penolong atau Penolong-penolong Penasihat Krew jika ada.
- II. Bertanggungjawab menyelia dengan berkesan dalam hal kewangan, disiplin dan kebajikan ahli-ahlinya.
- III. Bertindak sebagai penasihat Krew dan mempunyai kuasa mutlak untuk membatalkan aktiviti yang bercanggah dengan prinsip, kehendak persetujuan dan undang-undang Pengakap atau Dasar dan Peraturan Persekutuan atau yang boleh memberikan kesan negatif kepada ahli dan nama baik pergerakan Pengakap.

Penolong atau Penolong-penolong Penasihat Krew

Dicadangkan oleh Krew dan diakui oleh Pesuruhjaya Daerah. Tauliah akan dikeluarkan oleh Persekutuan Pengakap Malaysia.

Tugas-tugas

Membantu tugas-tugas Penasihat Krew dan menerima arahan daripadanya dari semasa ke semasa.

Pengerusi Krew Pengakap Kelana

Dipilih dalam Mesyuarat Agung tiap-tiap tahun dan tugas-tugasnya ialah:-

- I. Mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa Kerja dan mesyuarat Agung atau perjumpaan penuh Kelana.
- II. Berbincang dengan Penasihat Krew dan Jawatankuasa Kerja perkara-perkara yang dibawa ke dalam perjumpaan penuh/mesyuarat agung.
- III. Bermuafakat dan bekerjasama dengan Penasihat Krew dan Jawatankuasa Kerja dalam merencanakan aktiviti Krew.

Bendahari

Dipilih dalam Mesyuarat Agung tiap-tiap tahun dan jawatan ini tidak boleh disatukan dengan jawatan setiausaha dan tidak boleh menjalankan kerja-kerja setiausaha dan tugas-tugasnya:

- I. Bertindak mengikut Dasar Kewangan Persekutuan Pengakap Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian III Seksyen V dan Pindaan-pindaan.
- II. Menerima dan membayar wang Krew serta menyimpan dan menyediakan penyata kewangan dan lain-lain penyata mengikut kaedah dan aturan yang telah ditetapkan oleh pentadbir kewangan Krew.
- III. Membenteng penyata kewangan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Mesyuarat Agung Krew.

Setiausaha

Dipilih dalam Mesyuarat Agung. Jawatan ini tidak boleh disatukan dengan jawatan bendahari dan tidak boleh menjalankan kerja-kerja bendahari. Tugas-tugasnya:-

- I. Mencatat, merekodkan dan menyediakan laporan mesyuarat agung dan mesyuarat jawatankuasa kerja.
- II. Bertindak sebagai setiausaha kepada Krew Kelananya dan membantu kerja-kerja Ketua Kelana dalam hal pentadbiran.
- III. Mendaftarkan Krew dan ahli kepada Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia.
- IV. Mengurus tauliah Penasihat dan Penolong Penasihat Krew.
- V. Membayar yuran ahli kepada Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia.
- VI. Menjalankan tugas dan lain-lain yang diberi oleh Ketua Kelana.

Mesyuarat Agung

- I. Mesyuarat Agung Tahunan Krew ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja dan tidak lewat daripada 28hb Februari.
- II. Notis 14 hari hendaklah diberi kepada semua ahli.
- III. Mesyuarat Agung Luar Biasa diadakan di atas:
- IV. Kemahuan Penasihat dan Ketua Krew
- V. Kemahuan Pesuruhjaya Daerah
- VI. Pemilihan jawatan-jawatan berikut dibuat dalam Mesyuarat Agung :-
- VII. Seorang Pengerusi
- VIII. Seorang Bendahari
- IX. Seorang Setiausaha
- X. Jawatankuasa mengikut nisbah 1:4

- XI. Dua orang Pemeriksa Kira-Kira
- XII. Menimbang dan mengesahkan laporan tahunan penyata kewangan, anggaran perbelanjaan dan pendapatan yang telah diperakui oleh Jawatankuasa Kerja dan membahaskan usul-usul.
- XIII. Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dijalankan mengikut agenda:-
 - » Menerima dan mengesahkan peringatan Mesyuarat Agung lepas.
 - » Menerima Laporan Tahunan
 - » Menerima Penyata Kewangan
 - » Meluluskan anggaran pendapatan dan perbelanjaan

Kewangan

- I. Tahun kewangan Krew Kelana ialah bermula 1hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember.
- II. Bendahari boleh menyimpan wang tunai tidak lebih daripada RM 200.00 (Dua ratus ringgit genap) pada satu-satu masa untuk perbelanjaan runcit. Wang selebihnya hendaklah disimpan di dalam mana-mana bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja
- III. Cek dan baucar Krew Kelana hendaklah ditandatangani oleh Ketua Kelana dan Bendahari, jika salah seorang tiada akan ditandatangani oleh Penasihat.
- IV. Krew Pengakap Kelana boleh melabur dalam mana-mana institusi kewangan dan saham dan boleh memiliki harta yang boleh dialih dan tidak boleh dialih.

Pembatalan

Pendaftaran Krew Pengakap Kelana boleh dibatalkan dan sijilnya ditarik balik oleh Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia atas perakuan Pesuruhjaya Pengakap Negeri setelah berunding dengan Pesuruhjaya Pengakap Daerah atau terus oleh Persekutuan Pengakap Negeri atau Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia kerana sebab-sebab yang difikirkan perlu.

Penggantungan

Pesuruhjaya Negeri ada kuasa boleh menggantung Krew Kelana sementara menunggu pertimbangan oleh Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia atas perakuannya bagi membatalkan pendaftarannya.

Dalam tempoh penggantungan semua tugas Krew Kelana itu terhenti sementara menunggu perintah Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia

Yuran Tahunan Ahli

Yuran tahunan yang akan dikenakan kepada tiap-taip ahli akan ditentukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Krew.

Pindaan Undang-Undang Kecil

Pindaan Undang-Undang Kecil dan peraturan-peraturannya boleh dibuat dari semasa ke semasa dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Khas dengan kelulusan 2/3 ahli Krew.

Disahkan penerimanya sepertimana yang dikehendaki oleh peraturan :

(Nama))
Setiausaha)
Krew Pengakap Kelana) (tandatangan dan cap rasmi)
XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX)
Tarikh:)

(Nama))
Pesuruhjaya Pengakap)
Daerah XXXXXXXXXXXXX) (tandatangan dan cap rasmi)
Tarikh:)

(Nama))
Ketua Pesuruhjaya)
Persekutuan Pengakap Malaysia) (tandatangan dan cap rasmi)
Tarikh:)

SKIM LENCANA PENGAKAP KELANA

<p>KEAHLIAN (untuk ahli baru)</p>	<ol style="list-style-type: none">1. Memahami dan menerima Persetiaan dan undang-undang Pengakap.2. Dapat menerangkan tujuan Pergerakan Pengakap dan menyedari apakah yang diharapkan dari dirinya sebagai Pengakap Kelana.3. Mengetahui sejarah pergerakan Pengakap di Malaysia. Penubuhan awal dan Pergerakan Pengakap Antarabangsa.4. Menjalankan kerja-kerja amal kepada masyarakat setempat bersama pasukan sekurang-kurangnya enam jam.5. Tahu mengikat dan menggunakan simpulan dan ikatan berikut :-<ol style="list-style-type: none">a) buku silab) bunga getic) simpul manukd) tindih kasihe) lilit dua simpulf) lilit pemat biasag) ikatan serayah) ikatan serong <p>Menggunakan simpulan dan ikatan yang dipelajarinya untuk membuat projek perintis yang mudah dalam satu perkhemahan.(dikecualikan bagi bekas Pengakap Muda / Pengakap Remaja. Perakuan daripada kegiatan Pengakapnya yang terdahulu mesti ditunjukkan)</p>
---------------------------------------	--

LENCANA	KEMAHIRAN
<p>KEAHLIAN (untuk ahli baru)</p>	<p>6. Mengamalkan ajaran agama masing-masing .</p> <p>7. Mengetahui dan menerangkan beberapa hari perayaan umum masyarakat majmuk di Malaysia.</p> <p>Contohnya :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Hari Raya Aidil Fitri ii. Tahun Baru Cina iii. Deepavali iv. Hari Natal / Krismas v. Hari Gawai vi. Pesta Keamatan <p>8. Melalui proses mengenal diri (Vigil)</p>



LENCANA	KEMAHIRAN
<p>KEMAHIRAN PENGAKAP</p> <p>(Lencana Wajib)</p>	<p>A. Berkhemah</p> <p>1. Pengetahuan dan kebolehan berkhemah (12 tajuk kecil)</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Tujuan berkhemah b. Persediaan awal c. Pemilihan tempat dan tapak d. Peralatan e. Jenis khemah dan cara mendirikannya f. Peraturan perkhemahan g. Makanan dan minuman h. Daput dan alatan i. Gejet dan kegunaan j. Kesihatan k. Penutupan <ul style="list-style-type: none"> i. Peraturan kerja mengemas ii. Pembersihan tapak perkhemahan l. Ikatan Penutupan m. Perkara yang perlu dibuat oleh setiap calon dalam perkhemahan : <ul style="list-style-type: none"> i. Mendirikan Khemah Kecil/Pondok untuk perlindungan dengan mengambil kira kemungkinan menghadapi cuaca buruk (hujan lebat, ribut)

LENCANA	KEMAHIRAN
<p>KEMAHIRAN PENGAKAP (Lencana Wajib)</p>	<p>B. <u>Projek Perintis</u></p> <p>i. Mengambil bahagian berkumpulan membuat SATU daripada senarai Projek Perintis di bawah ini (WAJIB) :</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Jambatan angkat - <i>Lifting bridge</i> b. Jambatan Single Lock - <i>Single lock bridge</i> c. Jambatan Kera - <i>Monkey bridge</i> d. Jambatan Abington - <i>Abington Spring Bridge</i> e. Jambatan Draw - <i>Draw Bridge</i> f. Jambatan Rocker - <i>Rocker Bridge</i> g. Jambatan Pylon - <i>Pylon bridge</i> <p>ii. Memberi khidmat nasihat kepada satu pengakap dan menyerahkan tugas kepimpinan kepada Ketua dalam satu aktiviti usahasama mendirikan satu projek berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> a. ‘<i>Ariel Runway Code</i>’ dan menyatakan apakah ‘<i>Anchorage</i>’ yang meliputi ‘<i>log</i>’ dan ‘<i>picket</i>’, ‘<i>strop</i>’ dan ‘<i>deadman</i>’. Mengenali “<i>Brake</i>” dan ‘<i>Sheerlegs</i>’ yang meliputi ‘<i>Saddle</i>’, <i>Buuts Meeled</i>. b. Menara ‘<i>Brynbach</i>’ c. Menara ‘<i>Stilt</i>’ d. Menara ‘<i>Crockcrew</i>’ e. Menara ‘<i>Hourglass</i>’

LENCANA	KEMAHIRAN
<p>KEMAHIRAN PENGAKAP</p> <p>(Lencana Wajib)</p>	<ul style="list-style-type: none"> iii. Dapat membuat / membina perkara-perkara berikut : <ul style="list-style-type: none"> a. Rakit b. Pintu Gerbang c. Sistem pancangan, '<i>Anchorage</i>' d. Menyediakan SATU Projek Perintis bagi Pasukannya dengan menggunakan "pulley" untuk membina jambatan. iv. Tugas Pengurusan : <ul style="list-style-type: none"> a. Memahami dan menguruskan tugas Kuartermaster stor yang menguruskan segala peralatan supaya berada dalam keadaan baik dan teratur dan selamat b. Menjaga tali-temali c. Menjaga tiang kayu projek perintis d. Menjaga dan menyimpan pelan projek perintis dan maklumat bertulis berkenaan dengannya.

LENCANA	KEMAHIRAN
<p>KEMAHIRAN PENGAKAP</p> <p>(Lencana Wajib)</p>	<p>C. <u>Kawad</u></p> <p>a. Mengetahui tatacara dan hukuman kawad :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kawad Statik ii. Kawad Bergerak iii. Kawad Tongkat <p>b. Mengetahui dan memenuhi segala syarat untuk menjadi seorang Ketua Kawad</p>



LENCANA	KEMAHIRAN DALAM UJIAN
<p>PERKHIDMATAN</p> <p>(Lencana Wajib)</p>	<p><u>PERAWAT KECEMASAN (Wajib)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Calon dikehendaki mengikut latihan atau kursus yang diakui oleh pihak Persatuan St. John Ambulans Malaysia, Persatuan Bulan Sabit Malaysia (PBSM), atau mana-mana persatuan atau mana-mana pegawai perubatan bertauliah yang mengendalikan latihan rawatan dan Pertolongan Cemas dalam jangka masa tertentu. Calon hendaklah mempunyai pengetahuan berkenaan seperti butiran di bawah dan juga kemahiran bertindak memberi rawatan kecemasan. 2. Mengetahui tujuan dan peraturan rawatan kecemasan dan keadaan yang memerlukannya. 3. Mengetahui dan memahami struktur tubuh badan dan peranannya. 4. Mengetahui peredaran darah manusia serta jenis pembuluh. 5. Mengetahui jenis-jenis luka serta jenis pembalutan 6. Mengetahui cara menghentikan pendarahan dari mulut, hidung dan telinga. 7. Mengetahui cara merawat gigitan serangga,binatang kecil dan binatang berbisa.

LENCANA	KEMAHIRAN DALAM UJIAN
<p>PERKHIDMATAN (Lencana Wajib)</p>	<p>8. Mengetahui punca dan cara merawat keracunan daripada makanan, bahan kimia dan lain-lain.</p> <p>9. Mengetahui sistem pernafasan manusia :</p> <p>Bila sistem pemulihan pernafasan dilaksanakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Sesuatu benda lekat di mulut b. Lendir tebal di kerongkong c. Lemas air, lemas asap/gas d. Pukulan kuat pada dada dan kepala e. Serangan sakit jantung <p>10. Mengetahui dan mengaplikasikan teknik pemulihan pernafasan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Teknik '<i>Cardio-Pulmonary Resuscitation</i>', (CPR) b. Cara urutan kardiak <p>11. Mengetahui dan merawat jenis patah tulang serta anduhan</p> <p>12. Mengetahui cara memindahkan orang cedera</p> <p>13. Mengetahui Peti Pertolongan Cemas serta alatan di dalamnya</p>

LENCANA	KEMAHIRAN DALAM UJIAN
<p>PERKHIDMATAN</p> <p>(Lencana Wajib)</p>	<p>DAN (Minima SATU dari bahagian B ATAU C)</p> <p>PEMELIHARA ALAM SEKITAR</p> <p>Calon dikehendaki berhubung dengan Pesuruhjaya Daerah/Setiausaha Lencana Daerah untuk menentukan projek-projek kempen pemeliharaan alam sekitar dapat dijalankan di tempat masing-masing dalam tempoh 3 bulan.</p> <p>Projek-projek yang disyorkan adalah seperti :</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Kempen kebersihan tapak perkhemahan, tempat-tempat awam, tebing-tebing sungai, parit, menanam pokok dan sebagainya b. Kempen Kitar Semula, di mana segala bahan yang boleh dikitar semula seperti tin aluminium, botol kaca, botol plastik, suratkhbar lama dan lain-lain dikumpulkan dan dijual demi mengurangkan hasil sampah.

LENCANA	KEMAHIRAN DALAM UJIAN
<p>PERKHIDMATAN</p> <p>(Lencana Wajib)</p>	<p>ATAU</p> <p>KEBAJIKAN AM</p> <p><u>Bahagian Wajib</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menganjurkan suatu projek Perkhidmatan Masyarakat yang melibatkan masyarakat setempat <p><u>Bahagian Pilihan (Pilih SATU sahaja)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menjalankan projek bantuan yang boleh disampaikan kepada mangsa bencana alam 2. Menjalankan Projek Anak Angkat Krew Pengakap Kelana 3. Menderma darah minima sebanyak 3 kali kepada Hospital Kerajaan atau Pusat Darah Negara serta mempunyai rekod yang sah 4. Menjalankan perkhidmatan di Rumah Kebajikan dan Rumah Orang Tua



LENCANA	KEMAHIRAN
KEPIMPINAN	<p>A. Kursus Kepimpinan Manikayu (Wajib)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menghadiri Kursus Kepimpinan Manikayu Modul B <p>B. Protokol dan Etiket Sosial</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengetahui segala protokol ketika menjalankan sesuatu majlis rasmi pengakap 2. Telah mengahadiri kursus protocol dan etiket sosial <p>C. Pengurusan Program, (<i>Event Management</i>)</p> <p>Mengetuai sebuah jawatankuasa ataupun mengambil bahagian dalam sebuah jawatankuasa penganjuran sesuatu acara atau program. Contoh : Majlis Makan Malam Pengakap Daerah, Kempori Daerah dan lain-lain.</p> <p>D. Kursus Pementapan</p> <p>Menghadiri kursus pementapan dan kecemerlangan diri. Contoh : Pengurusan <i>Masa</i>, <i>Motivasi</i>, <i>Pembinaan pasukan</i> dan lain-lain.</p> <p>E. Komunikasi & Pengucapan Awan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menghadiri kursus pengucapan awam atau komunikasi <p>F. Pentadbiran</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menjawat jawatan pentadbiran mana-mana persatuan yang diiktiaf dan sah mengikut undang-undang.

CADANGAN LENCANA KEPIMPINAN



LENCANA	KEMAHIRAN
<p>PENGEMBARAAN</p>	<p>A. PENGEMBARAAN</p> <p>A.1.0 Berjalan kaki sejauh 80 km (pergi dan balik). Masa bertolak pagi dan berkhemah selama 2-3 malam.</p> <p>Berjalan kaki tidak semestinya melalui bukit, jalan denai, padang dan sebagainya, tetapi mestilah mengikut peredaran zaman dan keadaan geografi sesuatu tempat yang sering berubah.</p> <p>ATAU</p> <p>A.1.1 Berdayung sampan / kayak/ berakit sejauh 60 km (pergi dan balik) berkhemah selama 2-3 malam.</p> <p>ATAU</p> <p>A.1.2 Berbasikal sejauh 150 km (pergi dan balik) berkhemah selama 2-3 malam.</p> <p>ATAU</p> <p>A.1.3 Bermotosikal sejauh 400 km (pergi dan balik) dan berkhemah selama 2-3 malam.</p>

LENCANA	KEMAHIRAN
<p>PENGEMBARAAN</p>	<p>A.2.0 Laporan perjalanan :-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menyediakan Buku Log Pengembaraan yang lengkap dan kemaskini dan serahkan kepada Penilai dalam tempoh 15 hari selepas tamat pengembaraan. ii. Bahan sokongan seperti gambar, gambar rajah, peta, rakaman video dan seumpamanya hendaklah diserahkan kepada penilai bersama buku log. <p>A.3.0 Persediaan perjalanan :-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Setiap pengembaraan perlu ada persediaan dan destinasi hendaklah dirancang terlebih dahulu. ii. Tempat-tempat sejarah dan rekreasi, perusahaan kampung, penghidupan kelompok kecil, penempatan orang asli dan tempat yang boleh memberi cabaran eloklah dimasukkan ke dalam program pengembaraan. iii. Rancangan pengembaraan hendaklah dipersetujui oleh Ketua Kelana, Ketua Kelana hendaklah memberi nasihat, panduan serta peraturan bagi memastikan pengurusan pengembaraan itu mengikut cara berpengakap. iv. Mesti mengethui cara menyediakan Buku Log Pengembaraan. Pekara penting yang wajib ada :- <ol style="list-style-type: none"> a. Tarikh, masa, dan tempat, waktu tiba dan waktu berlepas. b. Peta pengembaraan dan gambaran keadaan alam semula jadi. c. Rekod temuramah, kajian, dan pendapat. d. Projek (jika dikehendaki membuat projek, lokasi, penyertaan masyarakat, masalah, kejayaan.) e. Cetusan rasa digambarkan melalui lukisan, foto, rakaman, video, puisi dan sebagainya. f. Langkah keselamatan hendaklah diutamakan. (penilaian dan risiko)

LENCANA	KEMAHIRAN
PENGEMBARAAN	<p>A.4.0 Peringatan</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Calon boleh bersekawan di antara 2 hingga 4 orang sahaja. ii. Pemakluman Pengembaraan dan kebenaran Pesuruhjaya Daerah hendaklah diperolehi sebelum pengembaraan dimulakan. iii. Calon hendaklah sentiasa menjaga imej Pengakap Kelana dan juga menunjukkan contoh teladan yang baik kepada masyarakat.




LENCANA	KEMAHIRAN
KEMAHIRAN KHAS	<p data-bbox="740 363 1312 394" style="text-align: center;">PILIHAN A – TEKNOLOGI MAKLUMAT</p> <ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="740 510 1325 541">1. <u>Teknologi Maklumat, IT & Komputer</u> <ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="837 583 1487 653">a. Mengetahui perkara-perkara asas mengenai pengendalian komputer <li data-bbox="837 657 1422 726">b. Boleh melayan Internet untuk mencari maklumat melalui enjin pencarian <li data-bbox="837 730 1487 982">c. Boleh mengendalikan perisian-perisian berikut : <ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="951 804 1260 835">i. Microsoft Word <li data-bbox="951 840 1260 871">ii. Microsoft Excel <li data-bbox="951 875 1341 907">iii. Microsoft PowerPoint Untuk menyediakan sebuah persembahan/ laporan yang sesuai <li data-bbox="837 987 1438 1056">d. Menyediakan log dengan menggunakan komputer <li data-bbox="837 1060 1390 1129">e. Menghasilkan sebuah persembahan multimedia <li data-bbox="837 1134 1471 1203">f. Menghasilkan dan mencipta sebuah laman web <p data-bbox="740 1245 1446 1314" style="text-align: center;">Nota : Program perlu dijalankan dalam kumpulan yang terdiri daripada 2-4 orang</p>

LENCANA	KEMAHIRAN
KEMAHIRAN KHAS	<p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>2. <u>Kaji Cuaca.</u></p> <p>a. Ujian Kaji Cuaca dan Udara</p> <p>i. Mentafsirkan dengan terperinci keadaan cuaca, suhu, udara di sebuah peta yang disediakan.</p> <p>ii. Membuat satu rajah penerbangan (rekaan) – Cuaca dan suhu mengikut laluan tersebut berdasarkan waktu, masa dan ketinggian penerbangan tersebut.</p> <p>iii. Membuat kajian keadaan udara</p> <p>b. Ujian tanda isyarat</p> <p>Mengirim berita dengan tanda isyarat dan membaca kiriman balas berita melalui:</p> <p>i. Sistem “Morse” dengan menggunakan cahaya lampu ataupun bunyi “<i>buzzer</i>” dengan kiraan 15 perkataan seminit</p> <p>ii. Isyarat bendera “Semaphore” dengan kiraan 25 perkataan seminit</p>

LENCANA	KEMAHIRAN
KEMAHIRAN KHAS	<p data-bbox="740 365 1133 394">PILIHAN B – KOMUNIKASI</p> <p data-bbox="740 436 1214 466">Pilih Satu Sahaja – Pilihan 1,2 atau 3</p> <p data-bbox="837 550 1133 579">c. Ujian Siapsedia</p> <p data-bbox="935 621 1490 726">Boleh membaiki kerosakan kenderaan kecil seperti basikal, motosikal, kereta (seelok-eloknya kepunyaan sendiri)</p> <p data-bbox="837 768 1182 798">d. Ujian Perhubungan</p> <p data-bbox="935 840 1503 1125">Mengumpulkan maklumat penting bertujuan untuk memberi bantuan atau untuk disampaikan kepada Wakil Rakyat setempat untuk tindakannya bagi menolong rakyat dalam kawasannya (bahan maklumat tersebut hendaklah tepat dan benar serta dibuku atau dijilidkan dengan baik untuk rujukan pihak berkenaan)</p> <p data-bbox="740 1167 831 1197">ATAU</p> <p data-bbox="740 1239 1214 1268">3. <u>LULUS Lesen Radio Amatur</u></p> <p data-bbox="951 1310 1159 1339">i. Lesen A</p> <p data-bbox="951 1352 1159 1381">ii. Lesen B</p>

CADANGAN LENCANA KOMUNIKASI





LENCANA	KEMAHIRAN
KEMAHIRAN KHAS	<p data-bbox="743 363 1117 394">PILIHAN C – Kegiatan Luar</p> <ol data-bbox="743 436 1369 653" style="list-style-type: none"> 1. Mendaki gunung 2. Menyelam Skuba, “<i>Scuba Diving</i>” 3. Berakit di air deras, “<i>White water rafting</i>” 4. “<i>Sea/River Kayaking</i>” 5. “<i>Caving</i>” 6. “<i>Wall/Rock Climbing</i>” <p data-bbox="695 695 1393 758">Memilih salah satu daripada kegiatan luar/lasak di atas dan melaksanakannya dengan jayanya.</p> <p data-bbox="743 821 1425 884">Mengetahui langkah-langkah keselamatan dan segala alatan peralatan yang berkaitan.</p> <p data-bbox="743 926 1425 989">Mengetahui dan mempraktikkan kemahiran berkaitan dengan aktiviti luar.</p> <p data-bbox="743 1031 1377 1094">Melaporkan setiap kegiatan aktiviti berserta bukti pengesahan yang berkaitan.</p>

LENCANA	KEMAHIRAN
KEMAHIRAN KHAS	<p>PILIHAN D – Pengurusan Bencana (2 dari 5)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>“Outdoor Survival”</i> 2. Pertolongan Cemas 3. Teknik Menyelamat Nyawa 4. <i>“Risk Management”</i> 5. <i>“Bronze Medallion”</i> (Bronze @ Silver Medellion) 6. Perkhidmatan Awam <p>PILIHAN E – Pertanian / Perladangan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. FELDA 2. Penternakan 3. Pelaburan 4. Undang-undang Komersil <p>PILIHAN F – Keusahawanan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>“Multi-Level Marketing”</i> 2. <i>“Direct Selling”</i>



CARA MENCAPAI LENCANA-LENCANA
PENGAKAP KELANA KE ANUGERAH B-P



ANUGERAH B-P

Setelah Seorang Pengakap Kelana telah memenuhi dan mencapai syarat-syarat Lencana-Lencana Pengakap Kelana iaitu 2 Lencana Wajib dan memilih satu Lencana Kegemaran Pengakap Kelana, akan dianugerah dengan Anugerah B-P.

Lencana Keahlian




2 Lencana WAJIB

1) Kemahiran Pengakap



2) Perkhidmatan



1 - LENCANA KEGEMARAN

(Pilih Satu Sahaja)

1) Kepimpinan



2) Pengembaraan




3) Kemahiran Khas

a) Komunikasi



atau b) Aktiviti Lain



ANUGERAH BP
Sama ada Lencana /
Lencana atas Epolet

